



JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR  
Bahagian Kesihatan Awam  
Jalan Persiaran Permai  
81200 Johor Bahru  
**JOHOR DARUL TA'ZIM**

TEL : 07-2356136 / 2269 / 2362279  
FAKS : 07-2356221 / 07-2363305  
Portal Rasmi : <http://jknjohor.moh.gov.my>

"Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab"

Ruj. Tuan:  
Ruj.Kami: JKNJ(K) 30(4)/115 (30 )  
Tarikh: 2 Februari 2020

### **SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan,

### **PERMOHONAN KERJASAMA SARINGAN KAPAL KONTENA, KAPAL CARGO, KAPAL LAYAR, FERI DAN KAPAL PERSIARAN DI PINTU MASUK ANTARABANGSA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2. Untuk makluman pihak tuan, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius dengan kejadian kluster radang paru-paru nCoV yang berlaku di negara Cina. Sebagai langkah kesiapsigaan dan respon bagi menghadapi potensi penularan ini, beberapa langkah telah dilaksanakan di semua pintu masuk antarabangsa di Malaysia, termasuk semua pintu masuk antarabangsa laut di Johor.
3. Untuk makluman tuan/puan, setiap pintu masuk antarabangsa negara adalah tertakluk kepada Peraturan Kesihatan Antarabangsa 2005 atau lebih dikenali sebagai *International Health Regulation (IHR) 2005*. Kapasiti asas yang perlu dipenuhi oleh setiap Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) telah digarisukkan dalam Annex 1B : Core capacity requirement at point of entry (POE).
4. Sehubungan dengan itu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor memohon kerjasama pihak tuan untuk memastikan langkah-langkah yang digarisukkan (Garis Panduan Operasi Perlaksanaan di Pintu Masuk Laut) seperti di Lampiran 1 dilaksanakan dengan lancar untuk mengurangkan kebarangkalian penyebaran virus ini di negeri Johor. Mohon pihak tuan memaklumkan perkara ini kepada semua pegawai di bawah seliaan masing-masing.
5. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak tuan amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan boleh menghubungi Ketua Penolong Pengarah Unit CDC JKNJ, Dr Thilaka a/p Chinnayah ditalian 07-2382217. Kerjasama dan tindakan pihak tuan dalam perkara ini amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. SHAHAROM NOR AZIAN BINTI CHE MAT DIN) MMC: 27472**

(Pakar Perubatan Kesihatan Awam)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

yt/drjeya@wuhan 2020



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO:QMS 02301



GS-C212H99 (C-B-3)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO:QMS 02301



**GARIS PANDUAN SARINGAN KAPAL- KONVENTSIONAL, KAPAL- PERSIARAN  
DAN KAPAL- LAYAR DI PINTU MASUK ANTARABANGSA  
(SARINGAN UNTUK 2019 NOVEL CORONAVIRUS 2019-nCoV)**

---

**A: SARINGAN KAPAL PERSIARAN/ KAPAL KONVENTSIONAL DARI CHINA /  
KAPAL**

1. Pejabat Kesihatan menerima maklumat ketibaan kapal dari China dari kapten kapal atau agen perkapalan
2. Sekiranya kapal tersebut datang dari China, kapal akan diberikan **status kuarantin B dan berlabuh di dermaga.**
3. Pegawai dari Pejabat Kesihatan akan menaiki kapal dan mengesahkan status kesihatan anak kapal dan penumpang dari China melalui kapten kapal atau pegawai perubatan kapal. Laporan mengenai langkah kawalan di atas kapal, deklarasi maritim dan dokumen yang berkenaan perlu diberikan kepada pegawai tersebut.
4. Saringan suhu terhadap penumpang dan anak kapal akan dijalankan oleh pasukan kesihatan. Penumpang dan anak kapal yang disyaki dengan penyakit novel Coronavirus akan dirujuk kepada pegawai perubatan pintu masuk antarabangsa yang seterusnya akan berbincang dengan pakar perubatan penyakit berjangkit Hospital Sultanah Aminah untuk tindakan susulan
5. Kesemua penumpang dan anak kapal yang bebas dari simptom akan diberikan pendidikan kesihatan dan Health Alert Card.
6. Pihak pejabat kesihatan akan menjalankan pemeriksaan terhadap sanitasi kapal.
7. Free Pratique dan Port Health Clearance akan diberikan sekiranya pihak pejabat kesihatan berpuas hati dengan keadaan sanitasi kapal dan kapal mempunyai SSCC dan SSCEC yang sah.
8. Order of Ship Sanitation akan diberikan kepada kapten kapal atau agen perkapalan sekiranya terdapat keadaan sanitasi kapal yang tidak memuaskan. Pemeriksaan semula akan dijalankan oleh pihak pejabat kesihatan dan Free Pratique dan Port Health Clearance akan diberikan sekiranya Order of Ship Sanitation dilaksanakan.

## **B. SARINGAN KESIHATAN KAPAL – PERSIARAN/FERI DI TAMBATAN JETI**

1. Kapten kapal akan membuat pengumuman semasa pelayaran. Pengumuman ini perlu dibuat sebelum kapal berlabuh di dermaga. Pengumuman tersebut perlu memasukkan mesej seperti ini.

*Ladies and Gentlemen, for your health safety, we would appreciate your kind attention and action on this announcement concerning 2019-Novel Coronavirus infection from Mainland, China.*

Tuan Puan Sekalian, untuk keselamatan kesihatan anda, pihak kami amat menghargai kerjasama pihak tuan mengambil perhatian terhadap pengumuman terhadap jangkitan 2019 - Novel Coronavirus dari Negara China

*There is a requirement for the passengers if have any symptoms such as FEVER, SHORTNESS OF BREATH and COUGH, kindly identify yourselves to the cabin crews. We thank you for your kind attention, cooperation and action on this announcement.*

Terdapat keperluan untuk semua penumpang memaklumkan sekiranya mempunya gejala demam, sesak nafas dan batuk kepada krew kapal dengan segera. Terima kasih atas kerjasama dan tindakan anda.

2. Kapten kapal perlu lagi sekali membuat pengumuman semasa kapal berlabuh. Pengumuman tersebut perlu memasukkan mesej seperti ini.

*Ladies and Gentlemen, For your health safety, we would appreciate your kind attention and action on this announcement concerning Novel Coronavirus infection from Mainland , China.*

Tuan Puan Sekalian, untuk keselamatan kesihatan anda, pihak kami amat menghargai kerjasama pihak tuan mengambil perhatian terhadap pengumuman terhadap jangkitan 2019 - Novel Coronavirus dari Negara China

*Passengers will be subjected to undergo thermal scanner upon arrival at the Health Screening Area. We thank you for your kind attention, cooperation and action on this announcement*

---

Semua penumpang akan disaring menggunakan imbasan thermal scanner di balai ketibaan/ tempat saringan kesihatan. Terima kasih atas kerjasama dan tindakan anda.

3. Anak kapal perlu menjalankan penilaian visual dan berwaspada terhadap penumpang yang mempunyai simptom seperti batuk dan sukar bernafas tetapi tidak mengisyihar kesihatan diri mereka.
4. Ship clearance
  - a. Semakan dokumen seperti
    - i. Deklarasi maritim
    - ii. Sijil SSCC dan SSCEC yang sah
    - iii. Senarai anak kapal
    - iv. Senarai penumpang
    - v. Senarai vaksinasi
    - vi. Port of Call
  - b. Penumpang yang turun akan diberikan *Health Alert card*
5. *Arrival Screening*
  - a. Saringan imbasan suhu dijalankan terhadap semua individu
  - b. Sesiapa yang didapati mempunyai gejala demam akan diisolasi di bilik saringan kesihatan untuk siasatan dan pemeriksaan susulan.
  - c. Mana-mana pelawat yang memenuhi kriteria Person Under Investigation, PUI akan dirujuk kepada pegawai perubatan pintu masuk antarabangsa yang seterusnya akan berbincang dengan pakar Perubatan Penyakit Berjangkit Hospital Sultanah Aminah untuk tindakan seterusnya

## C. SARINGAN KESIHATAN KAPAL LAYAR DI PANGKALAN KAPAL - LAYAR

1. Pejabat Kesihatan menerima maklumat ketibaan kapal layar dari Jabatan Laut Malaysia
2. Sekiranya kapal tersebut mempunyai penumpang dari China atau terdapat kes yang disyaki, kapal akan diberikan status kuarantin dan berlabuh di pangkalan
3. Pegawai dari pejabat kesihatan akan menaiki kapal dan mengesahkan status kesihatan anak kapal dan penumpang melalui kapten kapal atau pegawai kapal. Laporan mengenai langkah kawalan di atas kapal, deklarasi maritim dan dokumen yang berkenaan perlu diberikan kepada pegawai tersebut

**4. *Ship clearance***

- a. Semakan dokumen seperti
  - i. Deklarasi maritim
  - ii. Sijil SSCC dan SSCEC yang sah
  - iii. Senarai anak kapal
  - iv. Senarai penumpang
  - v. Senarai vaksinasi
  - vi. Port of Call
- b. Penumpang yang turun akan diberikan Health Alert Card

**5. *Arrival Screening***

- a. Saringan imbasan suhu dijalankan terhadap semua individu
- b. Sesiapa yang didapati mempunyai gejala demam akan diisolasi di bilik saringan kesihatan untuk siasatan dan pemeriksaan susulan.
- c. Mana-mana pelawat yang memenuhi kriteria Person Under Investigation, PUI akan dirujuk kepada pegawai perubatan pintu masuk antarabangsa yang seterusnya akan berbincang dengan pakar Perubatan Penyakit Berjangkit Hospital Sultanah Aminah untuk tindakan seterusnya

6. Pihak pejabat kesihatan akan menjalankan pemeriksaan terhadap sanitasi kapal

7. *Free Pratique* dan *Port Health Clearance* akan diberikan sekiranya pihak pejabat kesihatan berpuas hati dengan keadaan sanitasi kapal dan kapal empunya SSCC dan SSCEC yang sah

8. *Order of Ship Sanitation* akan diberikan kepada kapten kapal atau agen perkapalan sekiranya terdapat keadaan sanitasi kapal yang tidak memuaskan. Pemeriksaan semula akan dijalankan oleh pihak pejabat kesihatan dan *Free Pratique* dan *Port Health Clearence* akan diberikan sekiranya *Order of Ship Sanitation* dilaksanakan.

**D. SIGN OFF**

1. Sekiranya terdapat anak kapal sign off dari tugasannya, agen perlu memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa mengenai anak kapal tersebut.
2. Anak kapal perlu menjalani saringan kesihatan sebelum anak kapal tersebut dibenarkan keluar dari terminal
3. Mana-mana pelawat yang memenuhi kriteria Person Under Investigation, PUI akan dirujuk kepada pegawai perubatan pintu masuk antarabangsa yang seterusnya akan berbincang dengan pakar Perubatan Penyakit Berjangkit Hospital Sultanah Aminah untuk tindakan seterusnya